



سكوله منعه سائس كويغ قاسو

**SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU**

(SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI)

BATU 19, JALAN KODIANG,

06000 JITRA,

KEDAH DARUL AMAN.



No. Tel. : 04-925 7855

No. Faks : 04-925 7844

Emel : KEA4068@moe.edu.my

Kod Sekolah : KEA 4068

Ruj.Kami: KUPSIS.700-6/1/1 ( )

Tarikh: 10 November 2021

**Ibu Bapa/Penjaga & Pelajar Tingkatan 1, 2, 3 dan 4**

SM Sains Kubang Pasu

Tuan,

**PEMAKLUMAN PELAJAR KEMBALI KE ASRAMA DAN MENGIKUTI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA BERSEMUKA**

Perkara di atasadalahdirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertarikh 8 November 2021 telah mengumumkan bahawa pengoperasian sekolah Fasa 4 PPN akan bermula pada **21 November 2021 bagi negeri Kedah**. Pemakluman ini adalah merujuk kepada pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan pada 5 November 2021 berkaitan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Sabah berkuatkuasa pada 8 November 2021.

3. Sehubungan denganitu, semua pelajar Tingkatan 1 hinggaTingkatan 4 dikehendaki kembali ke asrama mengikut ketetapan tarikh dan masa serta menjalan iUjianKendiri COVID-19 mengikutjadualsepertiberikut:

Tarikh	Kelas	Masa	Pakaian	TempatUjianKendiri COVID-19
<b>19 November 2021</b> <b>Jumaat</b>	3 Juara	8.30 pg – 9.00 pg	Pakaian rasmi outing/ Korporat/ Uniform sekolah	Dewan Bitara
	3 Rajin	9.00 pg – 9.30 pg		
	3 Fikir	9.30 pg – 10.00pg		
	3 Waja	10.00pg – 10.30 pg		
	4 Juara	10.30 pg – 11.00pg		
	4 Rajin	11.00pg – 11.30 pg		
	4 Fikir	11.30 pg – 12.00 t/h		
	4 Waja	12.00 t/h – 12.30 t/h		
	4 Nead	12.30 t/h – 1.00 ptg		

Tarikh	Kelas	Masa	Pakaian	TempatUjianKendiri COVID-19
<b>20 November 2021 Sabtu</b>	1 Juara	8.30 pg – 9.00 pg	Pakaian rasmi outing/ Korporat/ Uniform sekolah	Dewan Bitara
	1 Rajin	9.00 pg – 9.30 pg		
	1 Fikir	9.30 pg – 10.00 pg		
	1 Waja	10.00 pg – 10.30 pg		
	1 Nekad	10.30 pg – 11.00 pg		
	2 Juara	11.00 pg – 11.30 pg		
	2 Rajin	11.30 pg – 12.00 t/h		
	2 Fikir	12.00 t/h – 12.30 t/h		
	2 Waja	12.30 t/g – 1.00 ptg		

Nota:

- \* Sila patuhi tarikh dan masa yang ditetapkan.
- \* Ibubapa / Penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu tarikh dan masa yang ditetapkan.

4. Semua pelajar dikehendaki mengisi **Borang Pengisytiharan Kesihatan** dengan lengkap dan jujur bersama **Surat Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga bagi tujuan Ujian Kendiri COVID-19**. Kedua-dua perkaraini perlu diserahkan kepada pihak sekolah semasa pendaftaran balik ke asrama.

5. Pelajar yang sihat dan tidak dalam tempoh menjalani kuarantin / bukan kontak rapat kes positif COVID-19 sahaja dibenarkan kembali ke asrama. Ibu bapa/Penjaga adalah diminta untuk memaklumkan secara rasmi akan ketidakhadiran anak/anak jagaan kepada pihak sekolah sebelum atau pada hari yang sama dengan kadar segera. Ibu bapa/Penjaga dan pelajar juga diminta mematuhi segala *Standard Operating Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh MKN, KKM, KPM, BPSBP dan pihak sekolah berkaitan pencegahan penularan COVID-19. Sila rujuk lampiran *Standard Operating Procedure (SOP)* yang disertakan bersama-sama surat ini.

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara di atas, pihak tuan boleh hubungi En. Azami bin Man, Penolong Kanan HEM ditalian 019-4173310.

7. Segala kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NAZRI BIN MOHD MUHSIN)**

Pengetua

Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu

s.k YDP PIBG SM Sains Kubang Pasu